



Rangkuman Program- Program Sempena Fiesta ICT MKN 2018

🕒 12 September 2019



Facebook

0



Twitter

0



WhatsApp

Dalam menghadapi era digital yang sangat pesat berkembang, cabaran utama ialah untuk memastikan seluruh warga Majlis Keselamatan Negara (MKN) sentiasa peka terhadap perkembangan dan cabaran-cabaran utama era digital kini. Pembudayaan penggunaan teknologi di dalam persekitaran yang selamat dan terkawal adalah pemangkin dalam meningkatkan mutu kerja dan mewujudkan suasana kerja yang harmoni.

FIESTA
ICT MKN 2018

Justeru, pihak Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan Program Fiesta ICT MKN dengan objektif untuk meningkatkan tahap kesedaran dan minat warga MKN terhadap penggunaan ICT disamping memberi pendedahan mengenai sistem-sistem yang dibangunkan secara *in-house*. Program fiesta ini juga diadakan untuk membudayakan ICT sebagai satu amalan kerja baik yang berterusan agar seluruh warga MKN termasuk di negeri dapat mengoptimumkan penggunaan ICT dalam rutin kerja seharian.



Program Fiesta ICT MKN ini telah berlansung dari 5 sehingga 29 Oktober 2018 dimana 10 program disusun dalam pelbagai format sama ada secara formal (taklimat, ceramah dan sebagainya) ataupun santai (*hands on*, lawatan berinformasi dan sebagainya) bagi menggalakkan warga MKN dari pelbagai latar belakang skim perkhidmatan menyertainya. Antara program yang telah dilaksanakan adalah :

- Majlis Perasmian Fiesta ICT MKN 2018


- Ceramah Kesedaran ICT
- Bengkel Info D'Foto
- Lawatan Berinfomasi ke EMC Dell Pulau Pinang
- Seminar Kesedaran Keselamatan Siber dan Technology Update Untuk Pegawai IT Agensi Luar
- Kuiz Pintar ICT
- Bengkel Asas Robotik
- Bengkel Microsoft Tips and Tricks
- Ceramah Perdana: Adaptasi ICT berlandaskan syariat islam
- Majlis Penutup Fiesta ICT 2018: Penyerahan sijil-sijil bengkel dan pemenang kuiz ICT



#peduliICT telah dipilih sebagai tema program dengan harapan ia meningkatkan tahap kesedaran dan minat warga MKN terhadap penggunaan ICT di jabatan ini dan seterusnya menjalankan tugas dengan lancar dan cemerlang.



Artikel/Berita Terkini



TIM 'TASK FORCE' PEMATUHAN PKPB

Umumnya sedia maklum bahawa, bermula pada 04 Mei 2020, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Sepanjang tempoh ...

[Maklumat Lanjut](#)